

17/02/2003

Kerjasama bolehkan laporan lebih tepat

Zulkifli Md Ali

APA juga pertemuan, majlis, forum atau seminar khusus antara pengamal media, sama ada dengan agensi kerajaan, pertubuhan politik, badan bukan kerajaan, ahli akademik atau profesion lain, pastinya berakhir dengan harapan supaya wartawan membuat laporan secara objektif dan meminta tidak

dilaporkan perkara negatif yang tidak disenangi pihak satu lagi.

Rasa tidak puas hati penganjur biasanya diluahkan menerusi beberapa wakil dan wartawan berucap, diikuti sesi soal jawab bagi menjelaskan kedudukan supaya kerjasama dua hala dapat dijalin secara lebih `intim`.

Begitulah keadaannya dengan dua pertemuan bersama wartawan anjuran Badan

Perhubungan Umno negeri dan bahagian baru-baru ini. Menerusi pertemuan itu, banyak perkara dibangkitkan, lebih-lebih lagi ketidakpuasan hati wakil penganjur terhadap cara wartawan melaporkan, begitu juga dengan wartawan menyatakan kesukaran mendapatkan kerjasama menjurus kepada laporan tepat.

Seperti biasa, wakil penganjur menyatakan wartawan membuat laporan atau

analisis tanpa pengesahan, mempunyai agenda tersembunyi, mengaibkan sesetengah individu dan macam-macam lagi.

Wartawan pula membangkitkan orang penting dalam barisan penganjur sukar dihubungi seperti tiada nombor telefon rumah, pejabat atau telefon bimbit.

Perkara menarik dalam dua pertemuan dengan Umno itu ialah wakil Wanita Umno dan bahagian menyatakan mereka tidak perlukan publisiti kerana bimbang pihak lawan, Pas, mengetahui strategi dan melakukan `serangan balas` kepada program yang diatur.

Maka bangkitlah kata-kata seperti "Kami tidak perlukan publisiti tetapi yakin apa yang dilakukan sudah mantap lagi menyeluruh ke pelosok negeri dan bahagian."

Ada pula wakil yang meminta supaya akhbar turut menyiarkan nama VIP yang hadir sama dalam sesuatu majlis kerana ia sekurang-kurangnya dapat memberitahu pembaca bahawa orang penting sesuatu kawasan tidak terkecuali daripada hadir pada majlis anjuran parti dan tidak dicop sebagai sering ponteng walaupun majlis diadakan di tempat sendiri.

Majlis atau pertemuan yang diadakan biasanya ringkas dan pendek, menyebabkan kedua-dua pihak tidak dapat meluahkan segala masalah dan jika ada pun, pasti ramai yang lebih suka bersikap sekadar berkata-kata di hati, berbincang sesama sendiri.

Saya ingin menyentuh berhubung perkara melaporkan VIP yang turut hadir.

Saya berbincang dengan bekas wartawan yang kini menjadi perunding media kepada tokoh politik Kelantan, sambil berkata: "Sanggupkah pula mereka,

jika wartawan melaporkan 'yang tidak hadir sama ialah' atau 'hadir lewat ialah' atau bagi yang mewakilkan kenamaan lain dengan catatan 'tidak dapat menghadirkan diri kerana...'"

Kadang-kadang bila wakil kenamaan memberi alasan tidak dapat hadir, hadirin akan berkerut mata atau mencebik mengenai keikhlasan ketidakhadiran serta mempersoalkan seperti 'kalau dah tahu ada tugas lain, mengapa buat pengesahan untuk hadir majlis ini'.

Persoalan kepada tidak mahu publisiti pula, mungkin ia berpunca daripada program yang diatur tidak menarik, kurang sambutan, tidak sehebat mana pun atau 'cakap tak serupa bikin'.

Bagi saya, publisiti sesuatu program sekurang-kurangnya dapat dinilai masyarakat pembaca mengenai kelebihan atau kekurangannya dan diikuti dengan cadangan bagi memperbaikinya selaras dengan hasrat Badan Perhubungan Umno Kelantan menghadihkan kemenangan menawan negeri Cik Siti

Wan Kembang sebagai hadiah paling istimewa kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan sesuai dengan slogan Umno Kelantan masa kini, 'Perubahan sudah bermula'.